



**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Sebut Harga ini adalah dipelawa kepada syarikat yang berpengalaman serta berkeupayaan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah kod bidang berkaitan dengan pendaftaran yang masih sah laku tempohnya adalah dipelawa untuk membuat tawaran harga bagi perkhidmatan berikut: -

NO. SEBUT HARGA	PERIHAL SEBUT HARGA	HARGA DOKUMEN / TARikh MULAI DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN
MAIJ 3/901/2 (10/2025)	<b>PERKHIDMATAN SEWAAN MESIN FOTOSTAT DI IBU PEJABAT MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR SERTA PEJABAT SEKITARNYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN</b>	<b>RM30.00</b> <b>13 OGOS 2025 (RABU)</b>	Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang masih berkuatkuasa di bawah Kod Bidang:  <b>221502 –</b> <i>Penyewaan dan Pengurusan Mesin dan Peralatan Pejabat</i>

1. Syarikat **DIWAJIBKAN** membawa **SALINAN** sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) beserta **sijil** pendaftaran syarikat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) semasa pembelian dokumen sebut harga.
2. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli pada waktu pejabat di Ibu Pejabat Majlis Agama Islam Negeri Johor, Tingkat 5 Blok B, Pusat Islam Iskandar Johor, Jalan Masjid Abu Bakar, 80000 Johor Bahru dari jam 9.00 pagi – 4.00 petang (Isnin hingga Khamis) dan 9.00 pagi – 12.00 tengah hari (Jumaat). Sekiranya Syarikat ingin mewakilkan bagi pembelian dokumen, wakil Syarikat tersebut **DIWAJIBKAN** membawa bersama Surat Perwakilan Syarikat dan Cop Syarikat sebagai bukti. Pihak MAINJ berhak menolak pembelian borang tersebut sekiranya dokumen-dokumen yang dinyatakan di atas tidak dikemukakan dengan sempurna.
3. Bayaran bagi dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk **DRAF BANK (DIGALAKKAN)** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau; kiriman wang pos (*money order*) atau wang kiriman pos berpalang (*postal order*), dan dibayar atas nama **BAITULMAL JOHOR**.
4. **TARIKH TUTUP SEBUT HARGA:** 20 OGOS 2025 (RABU) pada jam 12.00 tengah hari. Dokumen yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis No. Sebut Harga dan Perihal Sebut Harga di sudut **sebelah kiri** sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Tingkat 5, Blok B, Pusat Islam Iskandar Johor, Jalan Masjid Abu Bakar, 80000 Johor Bahru. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
5. Pihak MAINJ tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
6. Syarikat menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan Sebut Harga yang disertainya.
7. Syarikat juga boleh mengemukakan **Penyata Zakat Tahunan dan Resit Bayaran Zakat Terkini** bagi syarikat atau individu (sekiranya ada).
8. Mana-mana Syarikat yang tidak menerima surat tawaran / panggilan daripada Pihak MAINJ dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup iklan ini adalah dianggap tidak berjaya.

Dengan perintah,

Ketua Pegawai Eksekutif,  
Majlis Agama Islam Negeri Johor

